

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date      | 29 JUNE 2017    |

Najib puji usaha semua pihak dalam perangi jenayah pemerdagangan manusia

# Malaysia kini di Tahap 2

Oleh **SAFINA RAMLI**  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 JUN

**K**EJAYAAN Malaysia keluar daripada senarai Pengawasan Tahap 2 dan dimasukkan ke kategori Tahap 2 dalam Laporan Pemerdagangan Manusia (TIP) Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS) mendapat pujian daripada Datuk Seri Najib Tun Razak.

Melalui Facebook, Perdana Menteri mengucapkan tahniah kepada usaha kolektif mereka yang terlibat dalam mengengkang aktiviti pemerdagangan manusia di negara ini.

"Tahniah kepada mereka

yang bekerja keras sehingga mencapai tahap ini.

"Malaysia akan tetap komited untuk menghentikan kegiatan pemerdagangan manusia, melindungi mangsa dan mendakwa mereka yang terlibat," katanya melalui Facebook beliau hari ini.

Laporan TIP itu menyebut kerajaan Malaysia menunjukkan peningkatan usaha berbanding laporan yang dikeluarkan sebelum ini.

Laporan itu juga menyebut bahawa kedudukan Malaysia dinaik taraf kepada Tahap 2 dan kerajaan Malaysia telah menunjukkan peningkatan usaha dengan memperluas penyiasatan, pendakwaan dan sabitan pen-

dakwaan.

Sebelum ini pada 2014, Jabatan Negara AS menurunkan kedudukan Malaysia kepada Tahap 3, kedudukan yang paling rendah yang boleh mencetuskan sekatan terhadap negara yang diberi kedudukan itu.

Pada 2015, Malaysia telah dinaikkan daripada Tahap 3 ke Senarai Pengawasan Tahap 2.

Laporan tahunan yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara AS menyenaraikan kedudukan lebih 100 negara termasuk AS dalam usaha menangani pemerdagangan manusia dengan memberikan satu daripada empat peringkat: Tahap 1, Tahap 2, Senarai Pengawasan Tahap 2 dan Tahap 3.

um - 29/6/2017 pg. 3



**Malaysia akan tetap komited untuk menghentikan kegiatan pemerdagangan manusia, melindungi mangsa dan mendakwa mereka yang terlibat"**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

